



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**BURUH (F.1-2 EB.3)  
JABATAN PERHUTANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**BURUH  
JABATAN PERHUTANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
F.1-2 EB.3 (\$445 - \$590 EB KHAS \$600 - \$640 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus Tingkatan 1 atau sebanding.

**ATAU**

- b) Mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan selama tidak kurang dari 5 tahun.
2. Mempunyai pengalaman dalam bidang alam sekitar atau *Soil Science* atau *Landscaping* atau *Geography* atau *Horticultur* atau Sains Komputer atau Tapak Semaian atau Ladang Hutan adalah kelebihan.
3. Keutamaan adalah bagi calon **Lelaki**.
4. Mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah (tidak mansuh). Mempunyai lesen memandu kelas 4, 5, 6, dan 9 adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**UNIT PEMULIHAN HUTAN DAERAH BELAIT**

1. Mengutip bibit-bibit pokok di hutan untuk semaian;
2. Menanam pokok bagi komitmen Perubahan Iklim Negara;
3. Membaja dan memelihara tanaman; dan
4. Membuat bancian tanaman.

**UNIT PENGELUARAN HUTAN DAERAH BELAIT**

1. Membersihkan kawasan hutan bagi laluan sempadan;
2. Membantu mengukur dan membersihkan sempadan;



3. Membantu membuat penilaian pokok untuk dicop dengan tanda arah sebelum penebangan; dan
4. Membantu dalam pembuatan abstrak keluaran pokok.

#### **SEKSYEN HERBARIUM NEGARA**

1. Bertugas sebagai Tukang Panjat;
2. Mengutip sample pucuk daun, biji dan bunga bagi spesis pokok hutan;
3. Menekan specimen (*specises pressing*) untuk diawet; dan
4. Menanam dan memelihara *sample specimen*.